



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

**URUSAN TINDAKAN TATATERTIB
JBPM/PS/19**

Disediakan Oleh:


.....
Tuan Ramli Bin Jusof
Pengarah Pengurusan

Tarikh : 01.08.2013

Diluluskan Oleh:


.....
Dato' Mahadi Bin Md.Ali
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)

Tarikh : 01.08.2013

NO. KELUARAN/PINDAAN:03

TARIKH: 01.08.2013

SALINAN TERKAWAL

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA****URUSAN TINDAKAN TATATERTIB
JBPM/PS/19****MUKA SURAT : 2 | 10
TARIKH : 01.08.2013****REKOD PINDAAN**

BIL.	KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	BAHAGIAN / MUKA SURAT	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN
1.	02	18.05.2010	Keseluruhan prosedur JBPM/PS/19	Pindaan dibuat berdasarkan kepada penambahbaikan
2.	03	01.08.2013	1/10	Pindaan muka hadapan
			3/10	Pindaan rujukan
			3-4/10	Penyusunan format
			5,7,8/10	Penambahan pernyataan LAMPIRAN 2,3,4,5 dan 6 ke dalam prosedur.
			10/10	Penambahan lampiran



1. OBJEKTIF

Untuk memastikan tindakan tatatertib dilaksanakan atas pelanggaran peraturan dan prosedur oleh anggota / kakitangan berhubung tatakelakuan.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi mengambil tindakan tatatertib oleh anggota / kakitangan.

3. RUJUKAN

- 3.1 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993-PU(A) 395/1993.
- 3.2 Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993-PU(A) 396/1993.
- 3.3 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003
- 3.4 Pekeliling / Surat Pekeliling / Surat Pekeliling Am / PKPA / Surat Edaran dan Akta Berkaitan.

4. DEFINISI

- 4.1 **Tatatertib:** Peraturan-peraturan yang dipersetujui oleh sesuatu kumpulan atau organisasi bagi mewujudkan suasana yang aman dan tenteram dan menjamin keharmonian ahli-ahlinya. Dalam konteks perkhidmatan awam adalah pematuhan kepada peraturan / arahan / garis panduan yang ditetapkan kepada semua penjawat awam yang sedang berkhidmat.
- 4.2 **Tatakelakuan:** Sistem atau peraturan perilaku peribadi seseorang individu, kumpulan dan sebagainya.
- 4.3 **Ketua Jabatan:** Seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi, agensi atau unit.
- 4.4 **Pegawai:** Seseorang anggota perkhidmatan awam Persekutuan



5. SINGKATAN

- 5.1 JBPM - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 5.2 IP - Ibu Pejabat
- 5.3 KP - Ketua Pengarah
- 5.4 TKPO - Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- 5.5 TKPP - Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
- 5.6 PBN - Pengarah Bomba Negeri
- 5.7 PP - Pengarah Pengurusan
- 5.8 PPN - Penolong Pengarah Bomba Negeri
- 5.9 KB - Ketua Balai
- 5.10 PBJ - Pegawai Bertanggungjawab
- 5.11 LTT - Lembaga Tatatertib
- 5.12 KPT - Kumpulan Pengurusan Tertinggi
- 5.13 KPDP - Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- 5.14 TTT - Tindakan Tatatertib
- 5.15 US - Urus Setia Lembaga Tatatertib
- 5.16 SPA - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- 5.17 JPA - Jabatan Perkhidmatan Awam
- 5.18 PLTT - Pengerusi Lembaga Tatatertib
- 5.19 LB - Lembaga Tatatertib

**6. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB**

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.1	Terima Laporan	PPN/PBN/PKP/TKP
6.1.1	Terima laporan mengenai pelanggaran tata tertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dari penyelia pegawai dan orang awam. Contoh laporan seperti Lampiran 2 .	
6.2	Mengkaji Laporan	US
6.2.1	Mengkaji laporan untuk memastikan laporan lengkap atau tidak lengkap bagi mengambil tindakan selanjutnya :- i. Jika laporan tidak lengkap maklumat tambahan diperolehi. ii. Jika laporan lengkap, ikut tindakan prosedur tata tertib.	
6.3	Penentuan Wujud Kesalahan dan Jenis Pelanggaran	PLTT
6.3.1	Pengerusi Lembaga Tatatertib (yang tidak mempunyai kuasa untuk buang kerja atau turun pangkat) perlu :- i. Menentukan wujud atau tidak wujud kesalahan pelanggaran tatakelakuan (rujuk Lampiran 3); dan ii. Menentukan sama ada pelanggaran tersebut adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman lebih ringan daripada hukuman buang kerja atau turun pangkat mengikut Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau dari jenis yang patut dikenakan hukuman Buang Kerja atau Turun Pangkat mengikut Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (rujuk Lampiran 3).	



BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB																		
6.4	Bidang Kuasa Lembaga Tatatertib Berkaitan 6.4.1 Sekiranya diputuskan pelanggaran tatatertib adalah di bawah Peraturan 36, maka tindakan seterusnya adalah dibuat oleh Urusetia dan Lembaga Tatatertib seperti di bawah :- <table><tr><th>Lembaga</th><th>Gred</th><th>Peringkat</th></tr><tr><td>Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 2</td><td>Kumpulan Pengurusan dan Profesioanal / Gred 41 & 44</td><td>Ibu Pejabat JBPM</td></tr><tr><td>Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2</td><td>Kumpulan Pelaksana / Gred 1 - 39</td><td>Ibu Pejabat JBPM & JBPM Negeri</td></tr></table> 6.4.2 Jika, pelanggaran tatatertib diputuskan di bawah Peraturan 37, Kertas dan Borang Penentuan perlu dimajukan kepada Urusetia di Ibu Pejabat JBPM untuk dibawa kepada pertimbangan Lembaga Tatatertib seperti di bawah untuk tindakan seterusnya:- <table><tr><th>Lembaga</th><th>Gred</th><th>Peringkat</th></tr><tr><td>Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 1</td><td>Kumpulan Pengurusan dan Profesioanal / Gred 41 ke atas</td><td>JPA & SPA</td></tr><tr><td>Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1</td><td>Kumpulan Pelaksana / Gred 1 - 39</td><td>Ibu Pejabat JBPM</td></tr></table>	Lembaga	Gred	Peringkat	Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 2	Kumpulan Pengurusan dan Profesioanal / Gred 41 & 44	Ibu Pejabat JBPM	Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2	Kumpulan Pelaksana / Gred 1 - 39	Ibu Pejabat JBPM & JBPM Negeri	Lembaga	Gred	Peringkat	Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 1	Kumpulan Pengurusan dan Profesioanal / Gred 41 ke atas	JPA & SPA	Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1	Kumpulan Pelaksana / Gred 1 - 39	Ibu Pejabat JBPM	US
Lembaga	Gred	Peringkat																		
Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 2	Kumpulan Pengurusan dan Profesioanal / Gred 41 & 44	Ibu Pejabat JBPM																		
Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2	Kumpulan Pelaksana / Gred 1 - 39	Ibu Pejabat JBPM & JBPM Negeri																		
Lembaga	Gred	Peringkat																		
Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 1	Kumpulan Pengurusan dan Profesioanal / Gred 41 ke atas	JPA & SPA																		
Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1	Kumpulan Pelaksana / Gred 1 - 39	Ibu Pejabat JBPM																		

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA****URUSAN TINDAKAN TATATERTIB**
JBPM/PS/19MUKA SURAT : 7 | 10
TARIKH : 01.08.2013

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.5	Urusan Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Profesional	
6.5.1	Semua jenis pelanggaran bagi KPDP Gred 48 dan ke atas, laporannya dikemukakan kepada JPA / SPA untuk tindakan tatatertib seterusnya.	KP/US
6.6	Penentuan Kes Prima Facie	
6.6.1	PLTT menentukan sama ada wujud prima facie kes (rujuk Lampiran 4) dan mengeluarkan Surat Pertuduhan sekiranya mempunyai <i>prima facie</i> . Sekiranya tiada <i>prima facie</i> , kes berkenaan ditutup.	US
6.7	Surat Pertuduhan	
6.7.1	Surat Pertuduhan (rujuk Lampiran 5) dikeluarkan dan dikemukakan kepada pegawai dengan beralamat rumah kediaman pegawai dan melalui Ketua Jabatan pegawai.	US
6.7.2	Memastikan pegawai mengakui terima Surat Pertuduhan dan diberi tempoh 21 hari untuk mengemukakan representasi ke atas pertuduhan.	
6.7.3	Ketua Jabatan / Penyelia pegawai membuat ulasan ke atas representasi pegawai.	Ketua Jabatan Pegawai
6.7.4	Surat Akuan Terima, Representasi dan Ulasan Penyelia dimajukan kepada urusetia LTT berkaitan.	
6.8	Mesyuarat Lembaga Tatatertib	
6.8.1	Menyediakan Kertas Penentuan Hukuman untuk pertimbangan LTT.	US
6.8.2	Mesyuarat LTT diadakan untuk membuat keputusan / hukuman ke atas pegawai.	LTT



BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.9	Keputusan Mesyuarat Lembaga Tatatertib	
6.9.1	Keputusan LTT direkodkan dan diminitkan dalam Minit Mesyuarat LTT yang mengandungi :- i. Asas-asas pegawai bersalah ii. Asas-asas hukuman dijatuhkan	US
6.9.2	Pegawai yang bersalah dan dijatuhkan hukuman, satu Surat Pemberitahuan Hukuman dikeluarkan dan pegawai yang dibebaskan juga dikeluarkan Surat Keputusan LTT.	US
6.10	Hantar Keputusan LTT	
6.10.1	Surat Pemberitahuan Hukuman (rujuk Lampiran 6) dihantar kepada pegawai.	US
6.10.2	Pegawai hendaklah mengakui terima dan diberi peluang untuk membuat rayuan ke Lembaga Rayuan Perkhidmatan Awam dalam tempoh 14 hari.	
6.11	Merekod Hukuman	
6.11.1	Rekod hukuman dalam Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan pegawai.	Cawangan Sumber Manusia berkaitan

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA****URUSAN TINDAKAN TATATERTIB**
JBPM/PS/19MUKA SURAT : 9 | 10
TARIKH : 01.08.2013**7. REKOD KUALITI**


Bil.	Jenis Rekod	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
7.1	Fail Peribadi	Bahagian Pengurusan (IP / Negeri)	5 Tahun
7.2	Fail Tindakan Tatatertib	Bahagian Pengurusan (IP / Negeri)	5 Tahun
7.3	Buku Kenyataan Perkhidmatan	Bahagian Pengurusan (IP / Negeri)	4 Tahun
7.4	Laporan Pelanggaran Tatatertib	Bahagian Pengurusan (IP / Negeri)	3 Tahun
7.5	Kertas Penentuan Wujud Kesalahan dan Penentuan Jenis Hukuman	Bahagian Pengurusan (IP / Negeri)	3 Tahun
7.6	Kertas Penentuan <i>Prima Facie</i> Kes	Bahagian Pengurusan (IP / Negeri)	3 Tahun
7.7	Surat Pertuduhan	Bahagian Pengurusan (IP / Negeri)	3 Tahun
7.8	Surat Pemberitahuan Hukuman	Bahagian Pengurusan (IP / Negeri)	3 Tahun



8. LAMPIRAN

- | | |
|---|------------|
| 8.1 Carta Alir Prosedur Tindakan Tatatertib Bagi Kes Biasa | Lampiran 1 |
| 8.2 Format Laporan Pelanggaran Tatatertib | Lampiran 2 |
| 8.3 Kertas Penentuan Wujud Kesalahan dan Borang Jenis Kesalahan | Lampiran 3 |
| 8.4 Kertas Penentuan <i>Prima Facie</i> Perkhidmatan Awam | Lampiran 4 |
| 8.5 Surat Pertuduhan | Lampiran 5 |
| 8.6 Surat Pemberitahuan Hukuman | Lampiran 6 |

CARTA ALIRAN PROSEDUR TINDAKAN TATATERTIB BAGI KES BIASA



FORMAT LAPORAN PELANGGARAN TATATERTIB

CONTOH: LAPORAN KES TIDAK HADIR BERTUGAS
DAN TIDAK DAPAT DIKESAN

Rujukan:

Tarikh:

Kepada:

(LEMBAGA TATATERTIB)

Tuan,

LAPORAN MENGENAI KETIDAKHADIRAN BERTUGAS (*Nama Pegawai, Skim Perkhidmatan dan Gred, Gelaran Jawatan Dan Jabatan Tempat Bertugas*)

Saya dengan segala hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Encik (*Nama Pegawai, Skim Perkhidmatan dan Gred, Gelaran Jawatan Dan Jabatan Tempat Bertugas*) didapati tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah pada (*nyatakan tarikh mulai hingga.....*)

3. Pegawai berkenaan telah diarahkan kembali bertugas dengan segera melalui surat berdaftar akuan terima (*nyatakan bil. surat dan tarikh*). Walau bagaimanapun, surat arahan kembali bertugas tersebut dikembalikan tidak terserah/pegawai berkenaan tidak lagi menetap di alamat terakhir yang diketahui. Usaha-usaha telah dibuat untuk mengesan pegawai iaitu (*nyatakan usaha-usaha yang dibuat untuk mengesan pegawai*) walau bagaimanapun pegawai masih tidak dapat dikesan. Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan 24, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A)395/1993] dan melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(g), Peraturan yang sama iaitu tidak bertanggungjawab.

4. Bagi maksud penyiaran notis akhbar di bawah peraturan 26, Peraturan yang sama, bersama-sama ini dikemukakan (*nyatakan bukti-bukti yang menunjukkan pegawai tidak hadir bertugas seperti kad perakam waktu*) dan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang terkini untuk pertimbangan pihak tuan selanjutnya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....(*Tandatangan*).....

(NAMA KETUA JABATAN PEGAWAI)

Jawatan

Jabatan

**KERTAS PENENTUAN WUJUD KESALAHAN DAN BORANG JENIS
KESALAHAN**

No. Fail :

KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN PENERUSI LEMBAGA TATATERTIB

**PENENTUAN JENIS PELANGGARAN TATATERTIB DI BAWAH
PERATURAN 35, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993/ PENENTUAN WUJUD ATAU TIDAK
WUJUD SUATU KESALAHAN KE ATAS (***NAMA PEGAWAI***), (***JAWATAN
DAN GRED***), (***TEMPAT BERTUGAS***)**

1. TUJUAN

Kertas ini dikemukakan bertujuan untuk meminta Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi menentukan sama ada pelanggaran tatatertib oleh (***Nama pegawai***), (***Jawatan dan gred***), (***Tempat bertugas***) adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat atau hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat mengikut Peraturan 35, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan yang sama. Sekiranya Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia membuat penentuan bahawa pelanggaran tatatertib ini diambil di bawah Peraturan 37, Peraturan-Peraturan yang sama, maka kes ini akan dikemukakan ke Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sekiranya Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia membuat penentuan bahawa pelanggaran tatatertib ini diambil di bawah Peraturan 36, Peraturan-Peraturan yang sama, maka kes ini akan dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi menentukan sama ada wujud atau tidak wujud kes tatatertib bagi mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai berkenaan.

LATAR BELAKANG PEGAWAI

2. Latar belakang pegawai adalah seperti berikut:-

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh lahir dan Umur :

Tarikh Lantikan Pertama :
Ke Dalam Perkhidmatan
Awam

Tarikh Dilantik Dalam :
Jawatan Sekarang

Tempat Bertugas :
Sekarang

Taraf Jawatan :

Jawatan Semasa :
Pelanggaran Tatatertib
Dilakukan

Jawatan Sekarang :

Gaji Sekarang / Matagaji: RM (P....T....)

Tarikh Kenaikan Gaji :

Salinan Kenyataan Perkhidmatan Pegawai seperti di **LAMPIRAN**.

3. LATAR BELAKANG KES

- 3.1. Satu laporan telah diterima daripada (*Pegawai pelapor*) mengenai kelakuan (*Nama Pegawai*), (*Jawatan dan gred*), (*Tempat bertugas*) semasa bertugas di (*Tempat bertugas berlakunya pelanggaran tatatertib*) seperti berikut:-
- 3.2. Pegawai telah didapati tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah selama hari pada tarikh-tarikh berikut:-

Bulan / Tahun	Tarikh	Jumlah Hari Tidak Hadir Bertugas
	<i>Jumlah</i>	

Salinan Laporan Pegawai Pelapor bil. bertarikh seperti di **LAMPIRAN**.

4. ULASAN URUS SETIA

Urus Setia setelah meneliti kes pegawai berpendapat bahawa :

Urus setia setelah mengkaji fakta-fakta dan keterangan-keterangan yang ada mengenai kes ini berpendapat bahawa :-

- 4.1. Pegawai telah didapati melanggar Peraturan 6, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba 2003) dan Peraturan 23, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan seperti berikut :

“6 Hadir tepat pada waktunya untuk apa-apa perbarisan, kelas pengajaran, mahkamah atau tugas lain sebagaimana yang diarahkan”

“23 Dalam bahagian ini “tidak hadir”, berhubung dengan seseorang pegawai, termasuklah tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa pada masa dan di tempat di mana pegawai itu dikehendaki hadir bertugas”

- 4.2. Perbuatan tersebut membolehkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan 24, P.U.(A)395/1993 yang menyatakan seperti berikut :

“ 24 Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang pegawai tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan pegawai itu dikenakan tindakan tatatertib”

- 4.3. Perbuatan pegawai boleh disifatkan sebagai tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah iaitu bertentangan dengan tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(g) dan (i), P.U.(A) 395/1993 yang menyatakan seperti berikut:

“ 4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –

(g) tidak bertanggungjawab; dan

(i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa apa cara yang boleh disifatkan sebagai ingkar perintah.”

PERAKUAN

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah dipohon membuat penentuan sama ada pelanggaran tatatertib terhadap **(Nama pegawai), (Jawatan dan gred), (Tempat bertugas)** dari jenis yang patut dikenakan hukuman tersebut :

- a) Hukuman buang kerja atau turun pangkat iaitu di bawah Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993; atau
 - b) Dikenakan hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat iaitu di bawah Peraturan 36, Peraturan – Peraturan yang sama.
5. Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia membuat keputusan jenis pelanggaran tatatertib adalah di bawah Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, maka kes ini dikemukakan kepada Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sebaliknya jika diputuskan di bawah Peraturan 36, Peraturan-Peraturan yang sama, Pengerusi Lembaga Tatatertib seterusnya dipohon menimbangkan sama ada berpuashari bahawa wujud atau tidak wujud suatu kesalahan tatatertib ke atas pegawai berkenaan.

Penentuan ini hendaklah dibuat di dalam **LAMPIRAN**.

Tarikh :

Disediakan oleh :
.....
Nama pegawai
Jawatan dan gred
Tempat bertugas

Disemak oleh :
.....
Nama pegawai
Jawatan dan gred
Tempat bertugas

BORANG PENENTUAN OLEH PENERUSI LEMBAGA TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 35 DAN 36, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

KEPUTUSAN

Saya sebagai Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memutuskan pelanggaran tatatertib oleh (*Nama pegawai*), (*Jawatan dan gred*), (*Tempat bertugas*) adalah dari jenis yang :

☐

TIDAK WUJUD suatu kesalahan tatatertib

☐

WUJUD suatu kesalahan tatatertib

☐

patut dikenakan **HUKUMAN YANG LEBIH RINGAN** daripada buang kerja atau turun pangkat mengikut Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

ATAU

☐

patut dikenakan **HUKUMAN BUANG KERJA ATAU TURUN PANGKAT** mengikut Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Yang benar,

.....
(NAMA PENERUSI)

Pengerusi Lembaga Tatatertib

Kumpulan Sokongan No. 2

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh :

KERTAS PENENTUAN PRIMA FACIE PERKHIDMATAN AWAM

No. Fail :

KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN PENERUSI LEMBAGA TATATERTIB

PENENTUAN JENIS PELANGGARAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 35, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993/ PENENTUAN WUJUD ATAU TIDAK WUJUD PRIMA FACIE KE ATAS (*NAMA PEGAWAI*), (*JAWATAN DAN GRED*), (*TEMPAT BERTUGAS*)

TUJUAN

1. Kertas ini dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi menentukan sama ada wujud atau tidak wujud kes prima facie bagi mengambil tindakan tatatertib ke atas (*Nama pegawai*), (*Jawatan dan gred*), (*Tempat bertugas*). Pegawai telah didapati tidak hadir bertugas selama hari tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah.

LATAR BELAKANG PEGAWAI

2. Latarbelakang pegawai adalah seperti berikut:-

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh lahir dan Umur :

Tarikh Lantikan Pertama :
Ke Dalam Perkhidmatan
Awam

Tarikh Dilantik Dalam :
Jawatan Sekarang

Tempat Bertugas :
Sekarang

Taraf Jawatan :

Jawatan Semasa :
Pelanggaran Tatatertib
Dilakukan

Jawatan Sekarang :

Gaji Sekarang / Matagaji: RM (P.....T.....)

Tarikh Kenaikan Gaji :

Salinan Kenyataan Perkhidmatan Pegawai seperti di **LAMPIRAN A.**

3. LATAR BELAKANG KES

- 3.1. Satu laporan telah diterima daripada Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri mengenai salah laku (*Nama pegawai*), (*Jawatan dan gred*), (*Tempat bertugas*).
- 3.2. Pegawai telah didapati tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah selama hari pada tarikh-tarikh berikut:-

Bulan / Tahun	Tarikh	Jumlah Hari Tidak Hadir Bertugas
Jumlah Keseluruhan		

Salinan Laporan Pegawai Pelapor bil. bertarikh seperti di **Lampiran**.

- 3.3. Pengerusi Lembaga Tatatertib Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri pada telah memutuskan bahawa pelanggaran tatatertib yang dilakukan pegawai adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat iaitu Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Salinan Borang Penentuan Pengerusi bertarikh seperti di **Lampiran C**.

4. ULASAN URUS SETIA

Urus Setia setelah meneliti kes pegawai berpendapat bahawa:-

Contoh ulasan urus setia

- 4.1. Pegawai telah didapati melanggar Peraturan 6, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba 2003) dan Peraturan 23, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan seperti berikut :

“6 Hadir tepat pada waktunya untuk apa-apa perbarisan, kelas pengajaran, mahkamah atau tugas lain sebagaimana yang diarahkan”

“23 Dalam bahagian ini “tidak hadir”, berhubung dengan seseorang pegawai, termasuklah tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa pada masa dan di tempat di mana pegawai itu dikehendaki hadir bertugas”

- 4.2. Perbuatan tersebut membolehkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan 24, P.U.(A)395/1993 yang menyatakan seperti berikut :

“ 24 Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang pegawai tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan pegawai itu dikenakan tindakan tatatertib”

- 4.3. Perbuatan pegawai boleh disifatkan sebagai tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah iaitu bertentangan dengan tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(g) dan (i), P.U.(A) 395/1993 yang menyatakan seperti berikut:

**“ 4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –
(g) tidak bertanggungjawab; dan
(i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa apa cara yang boleh disifatkan sebagai ingkar perintah.”**

PERAKUAN

5. Pengerusi Lembaga Tatatertib dengan ini diminta menimbang dan membuat keputusan sama ada wujud atau tidak wujud kes prima facie ke atas (***Nama pegawai***), (***Jawatan dan gred***), (***Tempat bertugas***).
6. Draf Surat Pertuduhan disertakan untuk persetujuan Pengerusi Lembaga Tatatertib.

Draf Surat Pertuduhan adalah seperti di **LAMPIRAN**.

Tarikh :

Disediakan oleh :
Nama pegawai
Jawatan dan gred
Tempat bertugas

Disemak oleh :
Nama pegawai
Jawatan dan gred
Tempat bertugas

**KEPUTUSAN PENERUS LEMBAGA TATATERTIB
MENENTUKAN WUJUD KES PRIMA FACIE**

Saya sebagai Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memutuskan wujud / tidak wujud kes prima facie ke atas (*Nama pegawai*), (*Jawatan dan gred*), (*Tempat bertugas*) kerana:-

Kesalahan			Bukti
Pegawai telah didapati tidak hadir bertugas selama hari tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah pada tarikh-tarikh berikut:-			Pembuktian seperti di Lampiran.
Bulan / Tahun	Tarikh	Jumlah (Hari) Tidak Hadir Bertugas	
Jumlah Keseluruhan			

Pegawai telah didapati melanggar Peraturan 6, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba 2003) dan Peraturan 23, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan 24, P.U.(A) 395/1993 dan boleh disifatkan sebagai tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah iaitu bertentangan dengan tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(g) dan (i) P.U.(A) 395/1993.

()
Pengerusi
Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri
Tarikh :

SURAT PERTUDUHAN

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

SULIT

Nama Pegawai

No. Kad Pengenalan :

Alamat Kediaman Terkini

Melalui dan salinan:

Ketua Balai

Balai Bomba dan Penyelamat

Alamat Bertugas

Tuan,

**TINDAKAN TATATERTIB BUKAN DENGAN TUJUAN BUANG KERJA
ATAU TURUN PANGKAT**

Dimaklumkan bahawa satu laporan telah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri yang menyatakan bahawa tuan, (Nama pegawai), (Jawatan dan gred), (Tempat bertugas) telah berkelakuan yang melanggar tatakelakuan dan membolehkan tindakan tatatertib diambil terhadap tuan.

2. Pengerusi Lembaga Tatatertib setelah menimbangkan segala maklumat yang diterima, berpendapat bahawa tuan patut dikenakan tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat di bawah Peraturan 36, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atas pertuduhan seperti berikut :-

PERTUDUHAN

Bahawa tuan, Nama Pegawai, No. Kad Pengenalan:,Jawatan dan Gred semasa bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat XYZ didapati tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah selama hari pada tarikh-tarikh berikut:-

Bulan / Tahun	Tarikh	Jumlah Hari Tidak Hadir Bertugas
Jumlah Keseluruhan		

Perbuatan tuan tersebut melanggar Peraturan 6, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba 2003) dan Peraturan 23, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

“6 Hadir tepat pada waktunya untuk apa-apa perbarisan, kelas pengajaran, mahkamah atau tugas lain sebagaimana yang diarahkan”

“23 Dalam bahagian ini “tidak hadir”, berhubung dengan seseorang pegawai, termasuklah tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa pada masa dan di tempat di mana pegawai itu dikehendaki hadir bertugas”

Perbuatan tersebut membolehkan tuan dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan 24, P.U.(A)395/1993 dan boleh ditafsirkan sebagai melanggar Peraturan 4(2)(g) dan (i) P.U.(A)395/1993 yang menyatakan seperti berikut:-

“ 24 Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang pegawai tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan pegawai itu dikenakan tindakan tatatertib”

**“4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –
 (i) tidak bertanggungjawab
 (j) ingkar perintah.”**

Jika tuan didapati bersalah atas pertuduhan di atas, tuan boleh dikenakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman yang dinyatakan dalam Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

3. Mengikut Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Pindaan 2002, tuan diminta membuat satu representasi secara bertulis yang mengandungi alasan-alasan yang tuan hendak gunakan untuk membebaskan diri tuan. Representasi tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui Ketua Jabatan tuan dalam tempoh **21 hari** daripada tarikh tuan menerima surat ini. Sekiranya tuan tidak membuat representasi tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan itu, tuan akan dianggap sebagai tidak hendak membela diri dan perkara ini akan terus diputuskan oleh Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berdasarkan keterangan-keterangan yang sedia ada sahaja.

4. Sila tuan akui penerimaan surat ini dengan menandatangani suratakuan terima yang disertakan dan kembalikan kepada Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui Ketua Jabatan tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“ 1 Malaysia ”. Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan.

Saya yang menurut perintah,

(NAMA PENERUSI)

Pengerusi Lembaga Tatatertib

Kumpulan Sokongan No. 2

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri

SULIT

SURAT AKUAN TERIMA

Pengerusi
Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri MNO

Melalui :

Ketua Balai
Balai Bomba dan Penyelamat XYZ

Tuan,

TINDAKAN TATATERTIB (SURAT PERTUDUHAN)

Saya, ABC, No. Kad Pengenalan : dengan ini mengesahkan bahawa saya telah menerima surat tuan, Bil. () bertarikh April 2012 pada

Sekian.

.....
(ABC)

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

SURAT PEMBERITAHUAN HUKUMAN

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

SULIT

Nama Pegawai

No. Kad Pengenalan :

Alamat Kediaman Terkini

Melalui dan salinan:

Ketua Balai

Balai Bomba dan Penyelamat

Alamat Bertugas

Tuan,

TINDAKAN TATATERTIB BUKAN DENGAN TUJUAN BUANG KERJA ATAU TURUN PANGKAT

Dimaklumkan bahawa Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri dalam mesyuarat Bil.Tahunpada setelah menimbang dengan teliti pertuduhan ke atas tuan, melalui surat pertuduhan Bil. : bertarikh memutuskan tuan bersalah ke atas pertuduhan tersebut.

2. Sehubungan dengan itu, tuan dikenakan hukuman mengikut Peraturan 38(...), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi pertuduhan tersebut berkuatkuasa pada

3. Mengikut Peraturan 14 dan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993, tuan dengan ini diberi peluang untuk membuat rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) melalui Ketua Jabatan tuan dalam tempoh **14 HARI** dari tarikh penerimaan surat keputusan Lembaga Tatatertib ini.

4. Sila tuan akui penerimaan surat ini dengan menandatangani surat akuan terima yang disertakan dan dikembalikan kepada Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui Ketua Jabatan tuan.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia”. Rakyat didahulukan. Pencapaian diutamakan.

Saya yang menurut perintah,

(NAMA Pengerusi)

Pengerusi

Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri

SURAT AKUAN TERIMA

Pengerusi
Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri

Melalui :

Ketua Balai
Balai Bomba dan Penyelamat

Tuan,

TINDAKAN TATATERTIB

Saya,, No. Kad Pengenalan : dengan ini
mengesahkan bahawa saya telah menerima surat tuan, Bil. ()
bertarikh pada

Sekian.

.....
(.....)
No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

